

20 DEC 2001

HARAPAN DR MAHATHIR DI HARIJADINYA YANG KE-76

CHANGLOON, 20 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menyambut harijadi yang ke-76 hari ini berharap negara ini akan sentiasa aman, membangun dengan baik dan tiada permusuhan sesama rakyat.

Dr Mahathir dilahirkan pada 20 Dis 1925 di rumah no 18, Lorong Kilang Ais, Kampung Seberang Perak, Alor Setar.

Bagi meraikan harijadinya itu, Dr Mahathir telah dihadiahkan sebiji kek yang bertulis hari ulang tahun ke-76 oleh sebuah syarikat swasta semasa menghadiri satu majlis perkahwinan di dewan Orang Ramai Felda Batu Lapan, di sini.

Beliau bersama isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali serta pasangan pengantin baru Naritashema Shamsudin, 23, dan Syed Rizan Syed Nordin, 24, memotong kek besar itu.

Pengantin perempuan itu adalah anak kepada Setiausaha Umno Bahagian Kubang Pasu, Shamsudin Ahmad.

Dr Mahathir berkata beliau tidak pernah mengadakan majlis bagi menyambut harijadinya.

"Orang lain yang buat majlis untuk saya. Harijadi saya macam hari-hari yang lain," katanya.

-- BERNAMA

MZM PR